

40 pelajar UMS-KAL ikuti kursus pengacara

BH 27.11.2012 4

Labuan: Seramai 40 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) menyertai Kursus Pengacaraan Majlis 2012 di Dewan Theattered, universiti itu di sini, kelmarin.

Penyelaras Program, Norhana Nordin, berkata kursus bertujuan memberi pendedahan dan pengetahuan kepada mahasiswa UMS mengenai cara mengendalikan sesebuah majlis.

“Kursus itu juga bertujuan melahirkan lebih ramai pelajar yang berbakat dari segi pengacaraan dan kemahiran yang diperlukan di universiti dan negara ini,” katanya.

Kursus sehari itu dikendalikan Pengacara TV1, Radio Televisyen Malaysia (RTM), Mohammad Hisham Mohammad Salleh.

Ia anjuran Unit Aktiviti dan Latihan Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS-KAL.

Norhana berkata, kursus itu membantu menyediakan pengacara majlis bagi program universiti sendiri dan aktiviti pelajar yang diadakan sepanjang tahun.

Fahami tugas pengacara

Sementara itu, Hisham berkata, pengacara perlu memahami tugas mereka iaitu bercakap, memberi arahan, mengawal majlis, melancar majlis dan membuka serta menutup majlis.

“Seseorang pengacara juga perlu mahir menyampaikan maklumat dengan jelas, mampu mempengaruhi orang lain dan tahu menghiburkan tetamu serta orang ramai yang menghadiri sesuatu majlis,” katanya.